

## Malaysia tetap berusaha dakwa suspek nahas MH17

---

KUALA LUMPUR 29 Sept. – Malaysia tetap akan mendakwa suspek yang bertanggungjawab dalam nahas pesawat Malaysia Airlines MH17 yang ditembak jatuh di wilayah Donetsk, timur Ukraine pada 17 Julai 2014.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, Malaysia dengan kerjasama pasukan siasatan bersama (JIT), Belanda, Belgium, Ukraine dan Australia tidak goyah untuk terus mendapatkan keadilan lebih-lebih lagi dengan pengumuman JIT yang akan melanjutkan siasatan tersebut sehingga Januari 2018.

Katanya, dengan laporan interim JIT dan Lembaga Keselamatan Belanda (DSB), pihaknya juga akan bertindak lebih tegas dan berharap agar komuniti di peringkat antarabangsa sentiasa memastikan keadaan laluan udara dalam keadaan selamat.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan juga akan mendakwa mereka yang bertanggungjawab dalam tragedi malang itu melalui mekanisme pendakwaan yang berkesan dan bersesuaian.

“Dalam Perhimpunan Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) ke-39 semalam, saya mengulangi gesaan untuk mereka meningkatkan standard dan mengukuhkan kerjasama antarabangsa terhadap tahap keselamatan penerbangan awam global.

“Laporan mandatori tentang maklumat risiko penerbangan di zon konflik daripada negara anggota yang diberikan kepada ICAO akan mampu mewujudkan protokol global yang menyampaikan maklumat kepada negara terlibat serta syarikat penerbangan,” jelasnya dalam kenyataan di sini hari ini.

Laporan JIT telah mengenal pasti kira-kira 100 individu yang boleh dikaitkan dengan tragedi nahas tersebut dan peluru berpandu buatan Rusia BUK 9M38 digunakan untuk menembak MH17.

Selain itu, laporan tersebut juga mengesahkan pihak pemberontak tersebut menjadikan kawasan pertanian berhampiran bandar di Kharkiv, Ukraine sebagai lokasi tapak pelancaran sekali gus laporan itu selari dengan DSB berdasarkan bahan yang diperoleh Amerika Syarikat dan Agensi Angkasa Eropah.

Dalam masa sama, kata Tiong Lai, pihaknya sentiasa merakamkan ingatan dan doa terhadap ahli keluarga terdekat dan para penumpang serta anak kapal MH17 yang terlibat.